

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai jam 1200, Isnin, 9 Mei 2022



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN MALAYSIA (IHPRP)
SUKU TAHUN PERTAMA 2022

Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan meningkat 0.6%
pada Suku Tahun Pertama 2022

PUTRAJAYA, 9 Mei 2022 – Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP) mengukur purata perubahan harga perkhidmatan yang dikenakan oleh industri perkhidmatan tempatan di Malaysia meningkat 0.6 peratus untuk suku tahun pertama 2022 kepada 110.9 berbanding 110.2 pada suku yang sama tahun sebelumnya. Jabatan Perangkaan Malaysia mengeluarkan laporan bagi **INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN (IHPRP), SUKU TAHUN PERTAMA 2022** pada hari ini.

Dalam satu kenyataan pada hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Peningkatan ini didorong terutamanya oleh indeks Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman (2.1%) dan Kesenian, Hiburan & Rekreasi (1.2%). Kenaikan bagi indeks Restoran & Aktiviti Perkhidmatan Makanan Bergerak (2.6%) mendorong kepada kenaikan indeks Penginapan dan Perkhidmatan Makanan & Minuman. Seterusnya, kenaikan harga bahan mentah seperti ayam dan telur, sedikit sebanyak telah menaikkan harga dalam Perkhidmatan Makanan & Minuman. Bagi subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi, kenaikan ini didorong terutamanya oleh harga yang lebih tinggi bagi Aktiviti Hiburan dan Rekreasi Lain (1.5%)".


Subsektor lain yang merekodkan kenaikan adalah Pendidikan (0.6%) dan Pengangkutan (0.3%), manakala Aktiviti Hartanah, Profesional dan Kesihatan masing-masing meningkat 0.2 peratus. Bagaimanapun, indeks Maklumat & Komunikasi kekal tidak berubah.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa, "Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, IHPRP meningkat kepada 0.2 peratus. Peningkatan ini disumbangkan oleh subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi (2.5%), Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman (1.0%) dan Pendidikan (0.5%). Kenaikan dalam subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi disumbangkan terutamanya oleh Aktiviti Perjudian dan Pertaruhan dimana meningkat sebanyak 2.9 peratus. Indeks bagi subsektor Profesional dan Kesihatan masing-masing mencatatkan sedikit peningkatan sebanyak 0.1 peratus. Namun begitu, indeks bagi Pengangkutan mencatatkan penurunan sebanyak 0.9 peratus disebabkan oleh penurunan bagi Pengangkutan Penumpang Udara (-4.5%), manakala indeks bagi subsektor Maklumat & Komunikasi dan Aktiviti Hartanah kekal tidak berubah".

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

Jadual 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (2010=100), Suku Tahun Pertama 2022

Subsektor	Indeks			Peratus Perubahan (%)	
	ST1 2021	ST4 2021	ST1 2022	ST1 2022/ ST4 2021	ST1 2022/ ST1 2021
JUMLAH	110.2	110.7	110.9	0.2	0.6
Pengangkutan	104.1	105.3	104.4	-0.9	0.3
Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman	135.2	136.8	138.1	1.0	2.1
Maklumat & Komunikasi	101.1	101.1	101.1	0.0	0.0
Aktiviti Hartanah	126.6	126.9	126.9	0.0	0.2
Profesional	103.7	103.8	103.9	0.1	0.2
Pendidikan	115.8	115.9	116.5	0.5	0.6
Kesihatan	107.2	107.3	107.4	0.1	0.2
Kesenian, Hiburan & Rekreasi	98.9	97.7	100.1	2.5	1.2



Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

9 MEI 2022

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, May 9th 2022



**PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIA SERVICES PRODUCER PRICE INDEX (SPPI)
FIRST QUARTER 2022**

***Services Producer Price Index increased 0.6%
in the First Quarter of 2022***

PUTRAJAYA, 9 May 2022 – The Services Producer Price Index (SPPI) which measures the average changes in the price of service charged by the local service industries in Malaysia increased 0.6 per cent for the first quarter of 2022 to 110.9 as compared to 110.2 in the same quarter of the preceding year. The Department of Statistics, Malaysia released the report on **THE SERVICES PRODUCER PRICE INDEX (SPPI), FIRST QUARTER 2022** today.

In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician Malaysia mentioned, "The increase in the index was mainly driven by Accommodation and Food & Beverage Service Activities (2.1%) and Arts, Entertainment & Recreation (1.2%). The incline in the Restaurants & Mobile Food Service Activities (2.6%) was led by the increase of the index for Accommodation and Food & Beverage Services. Subsequently, the increase in raw materials such as chicken and eggs, has to a certain extent pushed the prices in the Food & Beverage Services. As for Arts, Entertainment & Recreation subsector, the increase was mainly driven by higher prices in Other Amusement and Recreation Activities (1.5%)".


Other subsectors which recorded increases were Education (0.6%) and Transportation (0.3%), while Real Estate Activities, Professional and Health increased 0.2 per cent respectively. However, the index for Information & Communication remained unchanged.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted, "For a quarter-on-quarter comparison, the SPPI rose by 0.2 per cent. This increase was contributed by the Arts, Entertainment & Recreation subsector (2.5%), Accommodation and Food & Beverage Service Activities (1.0%) and Education (0.5%). The rise in Arts, Entertainment & Recreation subsector was mainly attributed by the Gambling and Betting Activities which went up by 2.9 per cent. As for the indices of Professional and Health subsectors, each registered a marginal increase of 0.1 per cent. However, the index for Transportation recorded a decline of 0.9 per cent due to the decrease of the Passenger Air Transport (-4.5%), while the index for Information & Communication and Real Estate Activities subsectors remained unchanged".

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

Table 1: Services Producer Price Index (2010=100), First Quarter 2022

Subsectors	Index			Percentage Changes (%)	
	Q1 2021	Q4 2021	Q1 2022	Q1 2022/ Q4 2021	Q1 2022/ Q1 2021
TOTAL	110.2	110.7	110.9	0.2	0.6
Transportation	104.1	105.3	104.4	-0.9	0.3
Accommodation and Food & Beverage Service Activities	135.2	136.8	138.1	1.0	2.1
Information & Communication	101.1	101.1	101.1	0.0	0.0
Real Estate Activities	126.6	126.9	126.9	0.0	0.2
Professional	103.7	103.8	103.9	0.1	0.2
Education	115.8	115.9	116.5	0.5	0.6
Health	107.2	107.3	107.4	0.1	0.2
Arts, Entertainment & Recreation	98.9	97.7	100.1	2.5	1.2



Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

9th MAY 2022